



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**KSM SAHUT CABARAN MENGURANGKAN  
KADAR PENGANGGURAN KELUARGA MALAYSIA**

1. Kerajaan Keluarga Malaysia dibawah pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob menerusi Kementerian Sumber Manusia (KSM) terus proaktif dalam mengurangkan kadar pengangguran Keluarga Malaysia.
2. Antara langkah dan inisiatif KSM dalam mengurangkan kadar pengangguran adalah melalui program-program seperti berikut:
  - **Program JaminKerja - Insentif Penggajian** yang memanfaatkan pencari kerja dari seluruh negara. Program ini berbentuk insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan **perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta penganggur**.
  - Sehingga **29 Julai 2022** sebanyak **120,237** pencari kerja telah berjaya ditempatkan melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia.
  - **Program Perantisan** pada tahun 2021, JaminKerja - Insentif Penggajian diteruskan dengan pemberian insentif RM900 sebulan untuk tempoh enam bulan kepada majikan yang menggajikan golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun dalam jawatan Eksekutif.
  - Golongan Perantis ini ditawarkan kontrak 6 bulan dengan bayaran gaji pemula berjumlah RM1,500 dan statistik jumlah **Program Perantisan JaminKerja - Insentif Penggajian** sehingga **29 Julai 2022** adalah seramai **5,932 orang**.

- KSM turut menubuhkan **HRD Corp Placement Centre (HPC)** yang berperanan sebagai platform padanan pekerjaan yang tersedia oleh majikan.
  - Sehingga **31 Julai 2022**, sebanyak **43,903 peluang pekerjaan tersedia** melalui platform ini di mana lebih **6,000 pekerja berjaya** mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor serta **60% (3,600 pekerja)** daripadanya adalah dari golongan belia yang memperoleh gaji sebanyak RM2, 000 dan ke atas.
  - **Inisiatif PENJANA HRDF** memperkenalkan Lima skim yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang**.
  - Skim-skim ini bertujuan membantu rakyat termasuk golongan belia dan graduan untuk meningkatkan kemahiran dalam mendapatkan pekerjaan atau bekerja sendiri.
3. Inisiatif – inisiatif ini turut menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran dalam negara apabila ianya menurun kepada 3.8% pada Jun 2022 berbanding 3.9% pada bulan Mei 2022. Ini merupakan kadar terendah yang dicatatkan sejak Pandemik Covid-19 melanda negara.
4. KSM terus komited dan teguh bersama membantu golongan pekerja. Justeru, KSM akan meneruskan pelbagai inisiatif serta mewujudkan lebih banyak program serta mekanisme bagi membantu rakyat Keluarga Malaysia mendapatkan pekerjaan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran negara.

**DATUK SERI M. SARAVANAN**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**11 OGOS 2022**